

22 JUL 1998

ICD (analisis berita)

PROJEK IMT-GT DITERUSKAN WALAUPUN DALAM KEGAWATAN EKONOMI

Oleh: Jamaluddin Muhammad

SADAO (Selatan Thailand), 22 Julai (Bernama) -- Pelancaran Depot Kontena Darat (ICD) di Sadao, Selatan Thailand, Sabtu lepas dilihat sebagai satu pakatan keserantau dalam Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) walaupun dalam keadaan rantau itu dilanda kegawatan ekonomi.

Ia juga dilihat sebagai satu usaha mempersiapkan mekanisme supaya apabila ekonomi pulih rantau itu akan berada pada kedudukan yang lebih baik.

"Walaupun Thailand dan Malaysia sekarang menghadapi masalah ekonomi ia tidak boleh digunakan sebagai alasan bagi kita untuk tidak meneruskan projek-projek yang dapat memberi faedah," kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Kedua-dua kerajaan itu telah sejak lama menginstitusi kerjasama dalam bidang pengangkutan melalui penubuhan satu suruhanjaya bersama dan jawatankuasa pengangkutan antara sempadan.

"Oleh itu adalah perkara yang baik apabila sektor swasta juga turut mengadakan hubungan pengangkutan antara Malaysia dan Thailand," katanya.

Projek itu, sebahagian daripada inisiatif IMT-GT, dibangunkan bersama oleh Konsortium Perkapalan Bhd dari Malaysia dan Puan Malee Wanasook dan keluarganya dari Thailand.

Syarikat usahasama itu dinamakan KPB Sadao ICD Co Ltd dengan modal yang dibenarkan sebanyak 60 juta bath (kira-kira RM6 juta) dengan rakan kongsi dari Thailand memegang ekuiti sebanyak 60 peratus dan Malaysia 40 peratus.

"Projek itu akan membantu menjanakan ekonomi di rantau ini da memberi faedah kepada rakyat," kata Dr Ling.

Presiden Perhimpunan Kebangsaan Thailand Wanmuhammadnoor Matha berkata: "Projek ini penting kerana ia akan membantu mengangkut barangan bukan sahaja dalam kawasan IMT-GT tetapi juga untuk Asean dan Indo-China.

ICD itu, yang keempat di Thailand, akan meningkatkan pengkontenaan barangan dan memperbaiki kecekapan pelbagai model pengangkutan untuk eksport di rantau ini.

ICD Sadao itu menghubungkan pelabuhan Pulau Pinang dan Padang Besar di bahagian selatan dan Pelabuhan Bangkok di utara.

"ICD Sadao akan meningkat usaha perserantauan, membuka pasaran baru dan menyepadukan ekonomi Thailand dan Malaysia," kata pengerusi eksekutif kumpulan KPB Mirzan Mahathir.

Ia juga akan meningkatkan perdagangan dua hala komponen industri, makanan dan produk pengguna antara kedua-dua negara, katanya.

Pengerusi KPB Sadao ICD Co Ltd Malee Wanasook berkata projek itu akan menggalakkan kerjasama dua hala yang lebih erat antara Thailand dan Malaysia.

Jumlah kontena yang bergerak antara kedua-dua negara sekarang dianggarkan 6,000 TEUs sebulan.

-- BERNAMA

JM WAT